

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijeipc.com



**MENEROKA KESAN PEDAGOGI RESPONSIF BUDAYA
TERHADAP MOTIVASI DAN PENGLIBATAN PELAJAR DALAM
KELAS BAHASA TAMIL SEKOLAH KEBANGSAAN**

*EXPLORING THE IMPACT OF CULTURALLY RESPONSIVE PEDAGOGY ON
STUDENT MOTIVATION AND ENGAGEMENT IN TAMIL LANGUAGE CLASSES
IN NATIONAL SCHOOLS*

Kavitha Ramasandra¹, Kartheiges Ponniah^{2*}

¹ Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Perak, Malaysia

Email: m20231000215@siswa.upsi.edu.my

² Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Perak, Malaysia

Email: kartheiges@fbk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.10.2024

Revised date: 16.11.2024

Accepted date: 11.08.2025

Published date: 10.09.2025

To cite this document:

Ramasandra, K., & Ponniah, K. (2025). Meneroka Kesan Pedagogi Responsif Budaya Terhadap Motivasi Dan Penglibatan Pelajar Dalam Kelas Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 489-501.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059035

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesan Pedagogi Responsif Budaya (PRB) terhadap motivasi dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan Malaysia. PRB menekankan pentingnya mengintegrasikan elemen budaya pelajar ke dalam pengajaran untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif dan relevan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, melibatkan temu bual separa berstruktur dengan lima orang guru Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan Pulau Pinang. Data juga dikumpulkan melalui pemerhatian kelas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa integrasi elemen budaya seperti perayaan dan tradisi Tamil dalam pengajaran memberikan kesan positif terhadap motivasi dan penglibatan pelajar. Pelajar lebih berminat, aktif, dan berkeyakinan apabila budaya mereka diiktiraf dalam pengajaran. Walau bagaimanapun, kajian ini turut mengenal pasti beberapa cabaran utama dalam pelaksanaan PRB, termasuk kekurangan bahan pengajaran yang mencerminkan budaya pelajar, beban kerja tambahan untuk guru, serta kekurangan latihan formal. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar bahan pengajaran yang lebih relevan dan latihan formal yang lebih teratur disediakan untuk guru-guru. Sokongan daripada institusi pendidikan dan komuniti sekolah juga penting untuk memastikan pelaksanaan PRB yang berkesan, seterusnya meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar.

Kata Kunci:

Pedagogi Responsif Budaya, Motivasi, Penglibatan Pelajar, Bahasa Tamil, Sekolah Kebangsaan.

Abstract:

This study aims to analyze the impact of Culturally Responsive Pedagogy (CRP) on student motivation and engagement in Tamil language learning at Malaysian national schools. CRP emphasizes the importance of integrating students' cultural elements into teaching to create an inclusive and relevant learning environment. This qualitative study involved semi-structured interviews with five Tamil language teachers from national schools in Penang. Data was also collected through classroom observations. The findings reveal that the integration of cultural elements, such as Tamil festivals and traditions, positively impacts student motivation and engagement. Students were more interested, active, and confident when their culture was recognized in the teaching process. However, several key challenges in implementing CRP were identified, including the lack of teaching materials reflecting students' cultures, the additional workload for teachers, and insufficient formal training. Therefore, the study recommends providing more culturally relevant teaching materials and structured formal training for teachers. Support from educational institutions and school communities is also crucial to ensure the effective implementation of CRP, ultimately enhancing student motivation and engagement.

Keywords:

Culturally Responsive Pedagogy, Motivation, Student Engagement, Tamil Language, National Schools.

Pengenalan

Pedagogi responsif budaya (PRB) telah dikenal pasti sebagai pendekatan penting dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif dan bermakna, terutamanya dalam masyarakat berbilang budaya seperti Malaysia. PRB menekankan kepentingan mengintegrasikan latar belakang budaya pelajar ke dalam pengajaran, dengan tujuan untuk meningkatkan motivasi dan penglibatan mereka dalam proses pembelajaran (Gay, 2018). Dalam konteks Malaysia yang kaya dengan pelbagai budaya, pengajaran yang responsif terhadap budaya pelajar menjadi semakin penting bagi memastikan setiap pelajar, tanpa mengira latar belakang etnik, mendapat pengalaman pembelajaran yang relevan dan bermakna (Ibrahim & Johnson, 2021).

Dalam mata pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK), cabaran besar yang dihadapi oleh guru adalah memastikan bahawa pengajaran tidak hanya berlandaskan piawaian akademik semata-mata, tetapi juga mengambil kira kepelbagaian budaya pelajar (KPM, 2017). Walaupun kurikulum BTSK bertujuan memenuhi keperluan akademik pelajar, kajian terdahulu mendapati bahawa kaedah pengajaran yang tidak sensitif terhadap budaya pelajar boleh mengurangkan motivasi dan penglibatan mereka dalam pembelajaran (Rahim et al., 2020). Sebaliknya, apabila elemen budaya dimasukkan ke dalam proses pengajaran, pelajar cenderung untuk lebih terlibat, kerana mereka dapat mengaitkan pelajaran dengan pengalaman kehidupan harian mereka (Caingcoy, 2023).

Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa pelajar yang belajar dalam persekitaran yang tidak mengambil kira budaya mereka mungkin merasa terpinggir dan kurang dihargai, menyebabkan motivasi untuk belajar menurun (Makena, 2022). Dalam konteks pengajaran Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan, hal ini menjadi lebih kritikal kerana ramai pelajar mempelajari Bahasa Tamil sebagai bahasa ketiga. Oleh itu, kurangnya pengiktirafan terhadap latar belakang budaya mereka dalam pengajaran boleh menjejaskan keberkesanan pembelajaran (Rahim et al., 2020).

Tambahan pula, walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan piawaian untuk kurikulum BTKS, terdapat kekangan apabila kurikulum ini tidak memberi ruang yang mencukupi untuk memasukkan elemen budaya pelajar (Nalliannan et al., 2021). Di negara lain, seperti India, kajian oleh Sangeetha dan Jagadeesh (2022) menunjukkan bahawa kurikulum yang terlalu fokus pada pendekatan piawai tanpa mengambil kira elemen budaya menghalang pelajar daripada mengaitkan pelajaran dengan pengalaman hidup mereka. Dalam konteks ini, pengajaran Bahasa Tamil di Malaysia juga menghadapi cabaran yang serupa, di mana elemen budaya pelajar sering dikesampingkan dalam proses pengajaran.

Berdasarkan konteks tersebut, kajian ini bertujuan untuk:

1. Menganalisis kesan pedagogi responsif budaya terhadap motivasi dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan.
2. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pedagogi responsif budaya dalam pengajaran Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan.

Ibrahim dan Johnson (2021) turut menekankan bahawa guru-guru memerlukan latihan yang lebih mendalam dalam PRB, terutamanya dalam menguruskan kelas yang terdiri daripada pelajar dengan latar belakang budaya yang berbeza. Oleh itu, kajian ini memberikan sumbangan penting dengan menawarkan pandangan yang lebih mendalam tentang bagaimana amalan pengajaran boleh diperbaiki untuk memberi manfaat kepada pelajar dan guru di sekolah kebangsaan. Kajian ini juga berusaha mengisi jurang kritikal dalam literatur, terutamanya dalam memahami kesan PRB terhadap motivasi dan penglibatan pelajar dalam kelas Bahasa Tamil.

Secara keseluruhan, kajian ini mencadangkan pendekatan pembaharuan dalam amalan pengajaran melalui integrasi elemen budaya yang lebih inklusif, serta program latihan guru yang lebih menyeluruh, bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan di sekolah kebangsaan Malaysia (Ambikapathy et al., 2020).

Ulasan Literatur

Pedagogi responsif budaya (PRB) diakui sebagai pendekatan penting dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam pendidikan bahasa, terutama dalam konteks masyarakat berbilang budaya seperti di Malaysia. PRB melibatkan penyesuaian pengajaran berdasarkan latar belakang budaya pelajar, menjadikan pembelajaran lebih relevan dan bermakna bagi mereka (Gay, 2018). Dalam konteks pendidikan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan, pendekatan ini semakin relevan kerana ia mengiktiraf kepelbagaian budaya dan menyokong pembangunan identiti budaya pelajar dalam proses pembelajaran (Ibrahim & Johnson, 2021).

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa PRB memberikan impak yang ketara dalam meningkatkan motivasi pelajar. Menurut Gay (2018), pelajar yang dapat melihat budaya dan pengalaman hidup mereka di dalam bahan pengajaran cenderung untuk merasa lebih

bermotivasi. Kajian Caingcoy (2023) juga mendapati bahawa pelajar yang menerima pengajaran yang mengintegrasikan elemen budaya mereka menunjukkan peningkatan dalam motivasi intrinsik kerana mereka merasakan pembelajaran lebih berkaitan dengan kehidupan harian mereka. Hal ini sejajar dengan penemuan Koundyannan et al. (2020) dan Mohamed et al. (2021), yang mendapati bahawa PRB membantu pelajar memahami pelajaran dalam konteks kehidupan sebenar mereka, yang seterusnya meningkatkan motivasi mereka untuk belajar.

Penglibatan pelajar, termasuk penglibatan kognitif dan afektif, turut mendapat manfaat daripada PRB. Pilus et al. (2023) melaporkan bahawa pengiktirafan latar belakang budaya pelajar dalam kurikulum membantu meningkatkan penglibatan emosi pelajar dengan memperkukuhkan penghargaan mereka terhadap identiti budaya masing-masing. Ini selaras dengan dapatan Makena (2022), yang menunjukkan bahawa pelajar lebih terlibat apabila guru menggunakan contoh-contoh budaya yang dekat dengan mereka, seperti perayaan dan tradisi Tamil, dalam pengajaran harian.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan PRB masih menghadapi cabaran, terutamanya dalam konteks kekurangan latihan khusus untuk guru. Kajian Minz (2023) mendapati bahawa ramai guru tidak mempunyai latihan yang mencukupi dalam PRB, menyebabkan mereka sukar mengaitkan pengajaran dengan budaya pelajar. Ini turut disokong oleh kajian Tapia Parada dan Tour (2022) di Chile, yang mendapati bahawa kekurangan sokongan institusi dan bahan pengajaran yang relevan dengan budaya menjadi halangan utama dalam pelaksanaan PRB di sekolah. Halangan serupa juga ditemui di Malaysia, di mana kajian oleh Jia dan Nasri (2019) mendapati bahawa tahap kesedaran guru terhadap PRB adalah tinggi, namun ramai yang masih menghadapi kesukaran dalam mengaplikasikannya kerana kekurangan pengetahuan dan bahan yang sesuai.

Dalam konteks pengajaran bahasa Tamil di Malaysia, terdapat cabaran dalam memastikan bahawa kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) sebagai bahasa tambahan mengintegrasikan elemen budaya yang relevan dengan pelajar. Kajian menunjukkan bahawa pedagogi yang responsif terhadap budaya dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa (Gay, 2018; Caingcoy, 2023). Walau bagaimanapun, kekurangan bahan pengajaran yang berasaskan budaya menjadi cabaran utama dalam memastikan pembelajaran yang lebih berkesan (Pilus et al., 2023; Lavrenteva, 2020). Kajian juga mendapati bahawa guru mungkin mempunyai kesedaran tentang kepentingan elemen budaya dalam pengajaran, tetapi kekurangan latihan dan sokongan kurikulum boleh menghalang pelaksanaannya secara efektif (Minz, 2023; Tapia Parada & Tour, 2022).

Cabaran ini bukan sahaja terhad kepada Malaysia. Kajian antarabangsa oleh Uzzell et al. (2021), DeMatthews et al. (2020), dan Chaparro (2020) di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa pengintegrasian budaya tempatan dalam pengajaran dapat membantu mengatasi cabaran yang dihadapi oleh pelajar dari latar belakang minoriti. Walaupun cabaran ini bersifat global, konteks lokal Malaysia memerlukan pendekatan yang lebih disesuaikan untuk mengatasi halangan seperti kurangnya latihan dan bahan pengajaran yang relevan (Abdul Jalil, 2023; Santat et al., 2023).

Kajian oleh Thannimalai et al. (2022) mencadangkan bahawa guru-guru di Malaysia memerlukan modul latihan yang lebih komprehensif, memandangkan sokongan institusi terhadap PRB masih kurang. Ini disokong oleh kajian tempatan lain, termasuk Rahim et al. (2020), yang menekankan bahawa walaupun kesedaran guru terhadap PRB adalah tinggi,

pengetahuan mereka tentang cara mengaplikasikannya masih terhad. Dalam konteks ini, penyediaan modul latihan yang komprehensif dan sokongan institusi yang lebih kukuh diperlukan untuk memastikan PRB dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam bilik darjah.

Kajian-kajian tempatan turut menunjukkan bahawa integrasi teknologi dalam pengajaran boleh membantu menarik minat pelajar, terutamanya apabila elemen budaya diperkenalkan. Sebagai contoh, Ponniah et al. (2022) melaporkan bahawa pendekatan pembelajaran campuran yang menggabungkan elemen budaya dengan teknologi mampu meningkatkan penglibatan pelajar dalam kelas Bahasa Tamil. Walaupun kajian ini tidak secara langsung menyentuh mengenai Pedagogi Responsif Budaya, ia menyokong konsep bahawa pengajaran yang mengintegrasikan budaya dapat meningkatkan motivasi pelajar. Namun, cabaran tetap wujud, terutama sekali berkaitan dengan kekurangan bahan pengajaran yang sesuai dengan konteks budaya tempatan (Kiss et al., 2021; Ponniah et al., 2023). Ini menonjolkan keperluan mendesak untuk memperkayakan bahan pengajaran dengan elemen budaya tempatan yang lebih inklusif.

Secara keseluruhannya, PRB terbukti memberikan manfaat dalam meningkatkan penglibatan pelajar, tetapi cabaran dalam pelaksanaannya di Malaysia masih wujud. Kajian seperti Young dan Young (2023) menegaskan bahawa tanpa sokongan dan sumber yang mencukupi, pelaksanaan PRB akan terus menghadapi cabaran. Oleh itu, penyediaan modul latihan yang komprehensif, sokongan institusi yang berkesan, dan penyediaan bahan pengajaran yang lebih relevan dengan kepelbagaian budaya tempatan amat diperlukan untuk memastikan keberkesanan PRB dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk meneroka kesan pedagogi responsif budaya terhadap motivasi dan penglibatan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil sebagai Bahasa Ketiga (BTSK). Reka bentuk kajian ini ialah inkuiri kualitatif asas, yang menekankan pemahaman mendalam tentang pengalaman dan persepsi guru dalam melaksanakan pedagogi responsif budaya di dalam bilik darjah (Merriam & Tisdell, 2016). Sampel kajian yang terdiri daripada lima orang guru bahasa Tamil di sekolah kebangsaan negeri Pulau Pinang, yang dipilih melalui purposive sampling berdasarkan pengalaman mereka dalam mengajar bahasa Tamil serta kesediaan mereka untuk berkongsi pengalaman berkaitan pengajaran yang responsif budaya.

Data dikumpulkan melalui dua kaedah utama, iaitu temu bual separa berstruktur dan pemerhatian kelas. Temu bual separa berstruktur dipilih untuk memberi ruang kepada guru untuk berkongsi pandangan mereka secara bebas. Temu bual ini dijalankan secara bersemuka dan dirakam untuk tujuan transkripsi dan analisis (Nowell et al., 2017). Pemerhatian kelas pula digunakan sebagai sumber data tambahan, di mana fokus diberikan kepada amalan pengajaran responsif budaya oleh guru, termasuk cara elemen budaya diserapkan dalam pengajaran dan interaksi guru dengan pelajar. Pemerhatian ini membantu menyokong dapatan daripada temu bual dan memberikan konteks yang lebih mendalam tentang pengajaran responsif budaya (Creswell & Poth, 2018).

Data dianalisis secara manual menggunakan kaedah pengkodan manual dan analisis tematik. Proses analisis dilakukan dalam beberapa peringkat untuk memastikan ketepatan dan sistematik dalam mengenal pasti tema utama. Transkrip temu bual dibaca berulang kali untuk mengenal pasti tema berkaitan motivasi, penglibatan pelajar, dan amalan pengajaran budaya. Kod-kod awal seperti penglibatan pelajar dipecahkan kepada subkategori seperti penglibatan

kognitif dan penglibatan afektif. Tema yang muncul seperti pengaruh elemen budaya terhadap motivasi pelajar diatur mengikut kesamaan dalam perbincangan peserta, dengan Microsoft Word digunakan untuk menyusun kod dan tema bagi memudahkan akses kepada data dalam proses analisis.

Untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahan data, kajian ini menggunakan beberapa strategi. Triangulasi data dilakukan melalui perbandingan dapatan daripada temu bual dan pemerhatian kelas bagi memastikan konsistensi dalam dapatan. Selain itu, *member checking* turut dilakukan, di mana peserta diberikan peluang untuk menyemak dapatan awal kajian bagi memastikan tafsiran yang dibuat oleh penyelidik adalah tepat dan selaras dengan pengalaman sebenar mereka (Lincoln & Guba, 1985). Setiap langkah pengekodan dan analisis didokumentasikan dengan rapi untuk memastikan ketelusan dan ketepatan dalam hasil kajian.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini mengenal pasti beberapa tema utama berkaitan dengan pelaksanaan Pedagogi Responsif Budaya (PRB) serta kesannya terhadap motivasi dan penglibatan pelajar dalam pengajaran Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. Berdasarkan temu bual dengan lima orang guru bahasa Tamil, dapatan menunjukkan bahawa integrasi elemen budaya dalam pengajaran memberikan kesan positif terhadap motivasi dan penglibatan pelajar. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran utama turut dikenal pasti dalam pelaksanaan PRB.

Guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) melaporkan bahawa pelajar menunjukkan minat yang lebih tinggi apabila elemen budaya diintegrasikan dalam pengajaran. Peserta 1 menyatakan, "Pelajar menjadi lebih berminat apabila elemen budaya Tamil seperti perayaan dan kehidupan harian dimasukkan ke dalam pembelajaran mereka. Saya melihat perubahan yang ketara dalam minat dan penglibatan mereka." Hal ini menunjukkan bahawa apabila pelajaran dikaitkan dengan kehidupan pelajar, ia dapat meningkatkan minat mereka terhadap mata pelajaran tersebut.

Peserta 2 menambah bahawa pelajar bukan sahaja lebih berminat, tetapi juga lebih aktif terlibat dalam aktiviti pembelajaran. Beliau menyatakan, "Pelajar nampak tidak begitu berminat sebelum ini, tetapi apabila saya mula mengaitkan pelajaran dengan budaya mereka seperti makanan atau muzik tradisional, mereka mula bertanya lebih banyak soalan dan lebih aktif dalam kelas." Ini menunjukkan bahawa PRB memperkukuhkan penglibatan afektif pelajar, di mana pelajar menjadi lebih bersemangat dan berminat untuk terlibat dalam perbincangan.

Dapatan juga menunjukkan bagaimana PRB dapat memberi kesan kepada pelajar yang sebelum ini kurang cemerlang atau kurang berminat dalam pelajaran. Peserta 4 menyatakan, "Saya perhatikan pelajar yang biasanya pasif mula menunjukkan minat yang lebih dalam kelas apabila saya mengaitkan pelajaran dengan budaya mereka. Mereka menjadi lebih yakin untuk bertanya soalan dan turut serta dalam aktiviti kelas." Ini menunjukkan bahawa PRB membantu meningkatkan keyakinan diri dan keterlibatan tingkah laku pelajar yang sebelumnya kurang berminat.

Selain daripada kesan terhadap penglibatan pelajar, guru-guru juga melaporkan peningkatan dalam pencapaian akademik pelajar. Peserta 5 menyatakan, "Saya perasan ada peningkatan dalam keputusan ujian pelajar yang lebih terlibat apabila elemen budaya dimasukkan ke dalam pengajaran. Mereka nampaknya lebih memahami dan mengingati apa yang dipelajari apabila pelajaran dikaitkan dengan kehidupan harian mereka." Walaupun peningkatan akademik ini

berdasarkan persepsi guru, ia memberikan petunjuk bahawa PRB bukan sahaja meningkatkan penglibatan pelajar tetapi juga membantu dalam pencapaian akademik.

Sokongan daripada komuniti sekolah dan ibu bapa turut memainkan peranan dalam keberkesanan pelaksanaan PRB. Peserta 2 melaporkan, "Sokongan daripada ibu bapa semasa mengadakan sambutan perayaan di sekolah sangat membantu. Pelajar lebih teruja untuk belajar tentang budaya mereka apabila ibu bapa turut serta dalam aktiviti sekolah." Ini menunjukkan bahawa kerjasama antara sekolah dan komuniti dapat meningkatkan keberkesanan PRB dengan memberikan pelajar lebih banyak pendedahan kepada budaya mereka dalam konteks pembelajaran formal.

Walaupun dapatan menunjukkan kesan positif PRB, cabaran dalam pelaksanaannya turut dikenal pasti. Salah satu cabaran utama ialah kekurangan bahan pengajaran yang mencerminkan latar belakang budaya pelajar. Peserta 3 melaporkan, "Saya terpaksa mencari sendiri bahan tambahan kerana kebanyakan bahan yang disediakan oleh sekolah tidak mencerminkan budaya pelajar." Guru-guru perlu berusaha sendiri untuk menyediakan bahan pengajaran yang relevan, yang meningkatkan beban kerja mereka.

Selain itu, guru-guru melaporkan bahawa pengurusan masa menjadi cabaran utama dalam melaksanakan PRB. Peserta 4 menyatakan, "Mengintegrasikan elemen budaya dalam pengajaran memerlukan masa yang lebih banyak untuk merancang. Saya terpaksa menggunakan masa peribadi untuk menyediakan bahan pengajaran yang relevan." Kekangan masa dan beban kerja yang meningkat menyebabkan guru-guru menghadapi cabaran dalam menyediakan pengajaran yang berkesan dan responsif kepada budaya pelajar.

Tambahan lagi, peserta 5 menekankan kekurangan latihan formal sebagai halangan dalam melaksanakan PRB. Beliau menyatakan, "Saya sedar pentingnya mengintegrasikan budaya dalam pengajaran, tetapi saya tidak mendapat latihan formal untuk melaksanakannya dengan baik. Saya belajar sendiri melalui pengalaman." Guru-guru terpaksa bergantung kepada pengalaman peribadi dan rakan sekerja untuk memahami cara terbaik mengaplikasikan PRB, kerana tiada panduan atau latihan formal yang diberikan kepada mereka.

Kesedaran dan pemahaman guru mengenai PRB juga masih kurang menyeluruh. Peserta 4 melaporkan, "Saya tahu sedikit-sedikit tentang PRB, tetapi tidak begitu faham bagaimana hendak melaksanakannya secara sistematik." Peserta 5 pula menambah, "Saya sedar kepentingannya, tetapi saya rasa PRB agak rumit untuk dilaksanakan tanpa latihan yang sesuai." Ini menunjukkan bahawa selain daripada kekurangan bahan pengajaran dan latihan formal, kurangnya pengetahuan asas tentang PRB turut menjadi halangan dalam pelaksanaan yang berkesan.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan PRB dalam pengajaran Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan memberi kesan positif terhadap motivasi dan penglibatan pelajar, terutamanya dalam meningkatkan keyakinan diri dan penglibatan kognitif serta afektif pelajar. Namun, cabaran utama seperti kekurangan bahan pengajaran yang sesuai, kurangnya latihan formal, dan pengurusan masa perlu diatasi untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan PRB. Penemuan ini menunjukkan bahawa walaupun PRB mempunyai potensi besar, sokongan yang lebih menyeluruh diperlukan bagi memaksimumkan kesannya.

Perbincangan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian, integrasi Pedagogi Responsif Budaya (PRB) dalam pengajaran bahasa Tamil jelas memberikan kesan positif terhadap motivasi dan penglibatan pelajar. Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu seperti yang dikemukakan oleh Gay (2018) dan Banks (1994), di mana PRB meningkatkan keterlibatan pelajar dengan memasukkan elemen budaya pelajar dalam proses pembelajaran. Guru-guru melaporkan bahawa pelajar menjadi lebih berminat apabila elemen budaya Tamil seperti perayaan, makanan, dan muzik tradisional dimasukkan ke dalam pengajaran. Peserta 1 menyatakan bahawa pelajar menjadi lebih berminat dan bersemangat apabila pelajaran dikaitkan dengan budaya mereka, manakala Peserta 2 menambah bahawa pelajar menjadi lebih aktif bertanya soalan dan terlibat dalam kelas. Ini sejajar dengan dapatan kajian oleh Caingcoy (2023), yang menunjukkan bahawa pelajar lebih bermotivasi apabila unsur budaya diperkenalkan dalam pembelajaran.

Dapatan ini menunjukkan bahawa PRB memperkukuhkan keterlibatan afektif pelajar, menjadikan mereka lebih terlibat secara emosi dan lebih berminat untuk belajar. Dengan mengaitkan pembelajaran kepada kehidupan harian dan pengalaman budaya pelajar, PRB bukan sahaja mempertingkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran, tetapi juga memperkukuhkan motivasi mereka untuk terus belajar, seperti yang juga dinyatakan oleh Lee (2021) dan Anyichie et al. (2023). PRB memainkan peranan penting dalam membantu pelajar melihat relevansi pembelajaran mereka dengan kehidupan seharian mereka, seterusnya meningkatkan keterlibatan kognitif dan afektif mereka.

Walau bagaimanapun, kajian ini turut mengenal pasti beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PRB. Peserta 3 melaporkan bahawa bahan pengajaran yang disediakan oleh sekolah tidak mencerminkan budaya pelajar, memaksa guru untuk mencari atau menyediakan bahan tambahan secara sendiri. Ini selari dengan dapatan Rahim et al. (2020), yang menunjukkan bahawa kekurangan bahan pengajaran yang mencerminkan budaya pelajar adalah salah satu halangan utama dalam pelaksanaan PRB. Guru-guru perlu meluangkan masa peribadi mereka untuk menyediakan bahan yang relevan, seperti yang dinyatakan oleh Peserta 4, yang menyatakan bahawa mengintegrasikan elemen budaya dalam pengajaran memerlukan masa tambahan yang diambil daripada waktu peribadi mereka. Hal ini menunjukkan bahawa beban kerja guru turut meningkat apabila PRB dilaksanakan, dan ini menambah tekanan kepada mereka yang sudah mempunyai banyak tanggungjawab.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan kekurangan latihan formal sebagai satu lagi cabaran dalam pelaksanaan PRB. Peserta 5 melaporkan bahawa beliau tidak pernah menerima latihan formal tentang cara mengintegrasikan elemen budaya ke dalam pengajaran. Ini menunjukkan bahawa walaupun guru memahami kepentingan PRB, kekurangan latihan khusus dan sokongan institusi menjadi penghalang utama dalam pelaksanaan yang berkesan, selari dengan dapatan Minz (2023) dan Rowe (2021). Tanpa latihan yang mencukupi, guru-guru mungkin tidak memahami sepenuhnya konsep PRB dan bagaimana untuk melaksanakannya dengan berkesan dalam bilik darjah.


Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa PRB memberi impak positif kepada pelajar yang sebelum ini kurang cemerlang atau kurang berminat dalam pelajaran. Peserta 4 melaporkan bahawa pelajar yang biasanya pasif dalam bilik darjah mula menunjukkan keyakinan yang lebih besar apabila budaya mereka diiktiraf dalam pengajaran. Ini juga disokong oleh kajian Mills (2022), yang melaporkan bahawa PRB meningkatkan keyakinan diri pelajar, terutamanya pelajar daripada latar belakang minoriti. Pengiktirafan budaya pelajar dalam pengajaran

membantu membina keyakinan diri pelajar untuk terlibat secara aktif dalam perbincangan kelas.

Dari segi sokongan komuniti dan ibu bapa, Peserta 2 melaporkan bahawa sokongan ibu bapa dalam menyusun aktiviti berunsur budaya di sekolah membantu meningkatkan keterlibatan pelajar. Ini menunjukkan bahawa kerjasama antara sekolah dan komuniti memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan PRB. Kajian oleh Ibrahim & Johnson (2021) juga menekankan bahawa sokongan komuniti adalah penting untuk memastikan pengajaran lebih relevan dengan latar belakang budaya pelajar.

Namun, kekurangan sokongan daripada institusi pendidikan masih menjadi isu utama. Peserta 5 melaporkan bahawa tiada garis panduan yang jelas tentang bagaimana PRB harus dilaksanakan secara sistematik. Ini menunjukkan bahawa institusi pendidikan perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam menyediakan sokongan kepada guru, termasuk menyediakan latihan yang komprehensif serta bahan pengajaran yang relevan. Kajian oleh Joseph (2021) dan Idrus et al. (2023) turut menyokong dapatan ini, di mana kekurangan sokongan institusi dan latihan berstruktur menyukarkan pelaksanaan PRB di sekolah-sekolah yang mempunyai latar belakang budaya yang pelbagai.

Rajah 1: Model Rangka Kerja Pedagogi Responsif Budaya dalam Pengajaran Bahasa Tamil



Rajah 1 menunjukkan Model Rangka Kerja Pedagogi Responsif Budaya dalam pengajaran bahasa Tamil. Model ini menekankan kepentingan integrasi elemen budaya dalam pengajaran sebagai faktor utama yang meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar. Pelajar lebih berminat apabila elemen budaya seperti tradisi dan kehidupan harian mereka diserapkan dalam pembelajaran (Anyichie et al., 2023). Dapatan ini menunjukkan bahawa pengajaran responsif budaya mampu memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih relevan dan bermakna.

Selain itu, model ini turut menggariskan cabaran utama yang dihadapi oleh guru, termasuk kekurangan bahan pengajaran yang mencerminkan budaya pelajar dan kurangnya latihan formal dalam melaksanakan PRB. Guru memerlukan sokongan dalam bentuk latihan yang komprehensif serta bahan pengajaran yang relevan untuk mengaplikasikan pendekatan ini dengan berkesan di dalam bilik darjah (Ibrahim & Johnson, 2021).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa PRB mempunyai potensi besar dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran BTKS. Walaupun terdapat beberapa cabaran seperti kekurangan bahan pengajaran, kurangnya

kesedaran guru, dan kekurangan latihan formal, kajian ini menyarankan agar langkah-langkah diambil untuk mengatasi cabaran-cabaran ini. Antaranya termasuk menyediakan bahan pengajaran yang lebih relevan dengan budaya pelajar, menawarkan latihan formal yang lebih teratur untuk guru-guru, dan memastikan sokongan yang berterusan daripada pihak sekolah serta komuniti.

Kajian ini juga menyeru agar institusi pendidikan di Malaysia menyediakan modul latihan yang lebih komprehensif untuk guru-guru, terutamanya dalam hal PRB, agar mereka lebih bersedia dan berkemahiran untuk melaksanakan pendekatan ini dengan berkesan. Sokongan yang menyeluruh, termasuk sokongan institusi dan kolaborasi dengan komuniti sekolah, akan memastikan bahawa pelaksanaan PRB dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan memberikan impak yang lebih besar kepada motivasi, penglibatan, dan pencapaian akademik pelajar.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa pedagogi responsif budaya memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam pengajaran bahasa Tamil, dengan integrasi elemen budaya yang relevan seperti tradisi dan kehidupan harian pelajar. Namun, kekurangan bahan pengajaran yang sesuai dan kurangnya latihan formal bagi guru menghalang pelaksanaan yang optimum. Oleh itu, sokongan institusi serta latihan yang komprehensif untuk guru adalah kritikal bagi memastikan pedagogi ini diintegrasikan secara berkesan, demi menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna. Pada masa yang sama, penyelidikan lanjut disarankan untuk menilai pelaksanaan pedagogi ini dalam konteks yang lebih luas serta menguji keberkesanannya terhadap pelajar dari pelbagai latar belakang budaya.

Penghargaan

Para penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas sokongan dan panduan yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Kajian ini telah dijalankan dengan mematuhi garis panduan etika penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada guru-guru dan pelajar yang terlibat dalam kajian ini atas kesudian mereka menyumbangkan masa dan pandangan yang berharga. Penghargaan khas turut diberikan kepada Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd atas Skim Geran Penerbitan yang telah membantu merealisasikan penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Jalil, C. R. (2023). The application of culturally and linguistically responsive pedagogy in English speaking classrooms – A case study. *International Journal of English Language Teaching*.
- Ambikapathy, A., Halili, S. H., & Ramasamy, M. (2020). Kemahiran TMK dalam kalangan guru-guru bahasa Tamil sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Anyichie, A. C., Butler, D. L., Perry, N. E., & Nashon, S. M. (2023). Examining Classroom Contexts in Support of Culturally Diverse Learners' Engagement: An Integration of Self-Regulated Learning and Culturally Responsive Pedagogical Practices. *Frontline Learning Research*, 11(1), 1–39. <https://doi.org/10.14786/flr.v11i1.1115>
- Banks, J. A. (1994). Transforming the mainstream curriculum. *Educational leadership*, 51, 4-4.

- Caingcoy, M. (2023). Culturally Responsive Pedagogy. *Diversitas Journal*, 8(4), 3203–3212. <https://doi.org/10.48017/dj.v8i4.2780>
- Chang, W., & Viesca, K. (2022). Preparing Teachers for Culturally Responsive/Relevant Pedagogy (CRP): A Critical Review of Research. *Teachers College Record: The Voice of Scholarship in Education*, 124, 197 - 224. <https://doi.org/10.1177/01614681221086676>.
- Chaparro, S. E. (2020). School, parents, and communities: leading parallel lives in a two-way immersion program. *International Multilingual Research Journal*, 14(41-57).
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design Choosing Among Five Approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- DeMatthews, D. E., & Izquierdo, E. (2020). Supporting Mexican American Immigrant Students on the Border: A Case Study of Culturally Responsive Leadership in a Dual Language Elementary School. *Urban Education*, 55(362-393).
- Gay, G. (2018). *Culturally responsive teaching: Theory, research, and practice*. teachers college press.
- Ibrahim, A., & Johnson, S. (2021). *Student Teachers' Experiences of Cultural Diversity During Student Teaching* (pp. 98–118). <https://doi.org/10.4018/978-1-7998-3652-0.ch006>
- Idrus, F., Hussin, M., & Gulca, M. (2023). The Integration of Cultural Elements In The English Language Classrooms: A Case Study Of Selected Orang Asli Schools In Pahang, Malaysia. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol8iss1pp26-45>.
- Jia, Y., & Nasri, N. (2019). *A Systematic Review: Competence of Teachers in Implementation of Culturally Responsive Pedagogy*. Creative Education. <https://doi.org/10.4236/ce.2019.1012236>.
- Joseph, H. (2021). *Pengetahuan dan Pengaplikasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam kalangan Guru Bahasa Tamil* [Ijazah Sarjana sastera]. Universiti Malaya.
- Kiss, T., & Rimbar, H. (2021). English language teacher agency in rural Sarawak: Exploiting teaching materials. *The English Teacher*. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Koundyannan, T., Kadir, S., Basri, R., & Ayub, A. F. (2020). Predictors of school effectiveness: School culture and climate of Sekolah Kebangsaan Malaysia. *The International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(11), 866-878.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan Tahun 6*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lavrenteva, E., & Orland-Barak, L. (2020). Teaching culture in the EFL classroom as informed by teachers' approaches to student diversity. *Research Papers in Education*, 37(3), 633-666.
- Lee, A. (2021). Teacher embodiment of culturally responsive pedagogies in a fifth grade classroom. *Profesorado, Revista de Currículum y Formación del Profesorado*. <https://doi.org/10.30827/profesorado.v25i3.21461>.
- Lincoln, Y. S., Guba, E. G., & Pilotta, J. J. (1985). Naturalistic inquiry. *International Journal of Intercultural Relations*, 9(4), 438–439. [https://doi.org/10.1016/0147-1767\(85\)90062-8](https://doi.org/10.1016/0147-1767(85)90062-8)
- Makena, B. (2022). The influence of a historically disadvantaged background on reading culture. *International Journal of Research in Business and Social Science* (2147- 4478).
- Merriam, S. B., & T. E. J., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.

- Mills, M. (2022). Promoting Inclusivity Through a Culturally Responsive Approach to Classroom Assessment Practices. *Handbook of Research on Policies and Practices for Assessing Inclusive Teaching and Learning*. <https://doi.org/10.4018/978-1-7998-8579-5.ch018>.
- Minz, N. S. (2023). Addressing Diversities in Classrooms with Culturally Responsive Pedagogy. *International Journal for Multidisciplinary Research*, 5(1). <https://doi.org/10.36948/ijfmr.2023.v05i01.1739>
- Mohamed, R., Borham, S. R., & Ali, A. H. (2021). Culturally responsive pedagogy aided by Malay literature elements subvert the burn out learning among primary school students in PdPR. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*.
- Nalliannan, P., Perumal, T., & Pillai, S. (2021). Language use among Malaysian Tamil youth. *Sustainable Multilingualism*, 19, 69-93.
- Nowell, L. S., Norris, J. M., White, D. E., & Moules, N. J. (2017). Thematic Analysis. *International Journal of Qualitative Methods*, 16(1), 160940691773384. <https://doi.org/10.1177/1609406917733847>
- Pilus, S. M., Wahab, N. A., Hashim, A. T. M., & Zabit, M. N. M. (2023). Pendidikan Multibudaya dalam kalangan guru sekolah rendah di Negeri Sembilan. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(2), 42-58.
- Ponniah, K., Kumar, M., Sivanadhan, I. & Nadarajan, P. (2022). Blended learning: A study on Tamil primary schools. *International Journal of Advanced and Applied Sciences*, 9(3), 172-177. <https://doi.org/10.21833/ijaas.2022.03.020>
- Ponniah, K., Thannimalai, T., Sathiamoorthy, B., & Thirunavukkarasu, S. (2023). An investigation of ICT skills among Tamil language teachers in primary schools and the adequacy of ICT facilities: A quantitative study. *International Journal of Advanced and Applied Sciences*.
- Ramalingam, K., & Jiar, Y. K. (2023). The impact of KaniMani storytelling mobile application (KM-SMA) on Tamil students' speaking skills and motivation in learning Tamil. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 22(1), 129–142. <https://doi.org/10.26803/ijlter.22.1.8>
- Rahim, M. Z. A., Nasri, N. M., & Talib, M. A. A. (2020). Pedagogi responsif budaya: Kesedaran, pengetahuan dan kesediaan guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1), 25-34.
- Rowe, L. (2021). Overcoming the Void: Obstacles to Authentic Culturally Relevant Teaching. . <https://doi.org/10.33015/dominican.edu/2021.EDU.03>
- Sangeetha, T., & Jagadeesh, K. (2022). National Education Policy-2020: An Emphasis on Education through Mother Tongue. *Shanlax International Journal of Tamil Research*, 6(3), 151–157. <https://doi.org/10.34293/tamil.v6i3.4640>
- Santat, S., & Tan, B. P. (2023). Reka Bentuk Pedagogi Responsif Budaya Dalam Pendidikan Moral: Penilaian Inovasi Kalendar Kebudayaan. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*.
- Tapia Parada, C. I., & Tour, E. (2022). Challenges for Teachers Working in Mainstream Schools with Culturally and Linguistically Diverse Students in Chile: Two Case Studies. *International Journal of Multicultural Education*, 24(2), 97–113. <https://doi.org/10.18251/ijme.v24i2.2827>
- Thannimalai, T., Ponniah, K., Nawastheen, F. M., Jose, F. T. & Jaiseelan, S. (2022). Attitudes and acceptance of information and communication technology (ICT) among urban and rural teachers in teaching and facilitation. *International Journal of Advanced and Applied Sciences*, 9(7), 16-23. <https://doi.org/10.21833/ijaas.2022.07.003>.

- Uzzell, E. M., & Ayscue, J. B. (2021). Racial integration through two-way dual language immersion: A case study. *Education Policy Analysis Archives*, 29(48).
- Young, J., & Young, J. (2023). Before We Let Go! Operationalizing Culturally Informed Education. *Multicultural Perspectives*, 25(2), 96–111.
<https://doi.org/10.1080/15210960.2023.2212719>